

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 11 JAN 2015 |

Najib hadiri Malam Cinta Rasul di Kg. Baru

KUALA LUMPUR 10 JAN. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai kira-kira 5,000 orang menghadiri program Malam Cinta Rasul Siri Kedua di Masjid Jamek Kampung Baru, di sini malam ini.

Perdana Menteri yang tiba kira-kira pukul 7.15 malam dengan berbaju Melayu warna oren, bersongkok dan berkain pelekat, terlebih

dahulu menunaikan solat maghrib bersama jemaah di masjid itu.

Selesai solat maghrib, beliau bersama jemaah terus mengikuti persembahan qasidah dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW yang dipimpin kumpulan Qasidah al-Yamani.

Najib seterusnya menunaikan pula solat isyak berjemaah sebelum

diikuti solat sunat hajat bagi memohon reda Allah SWT selepas negara teruk dilanda musibah banjir terburuk baru-baru ini.

Program Malam Cinta Rasul itu merupakan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Titiwangsa dan Masjid Jamek Kampung Baru dengan kerjasama beberapa pihak lain.



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan jemaah seurus menunaikan solat isyak dan hajat berjemaah sempena program Malam Cinta Rasul Siri Kedua di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur, malam tadi. - MINGGUAN/MOHD. NAJIM AZIZ